

NO. SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah sebab harga diesel lebih tinggi daripada petrol di negara kita baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti mana ahli dewan yang mulia ini sedia maklum, penetapan harga jualan runcit diesel adalah berdasarkan kepada harga pasaran kos produk tersebut di pasaran terbuka. Harga jualan runcit diesel didapati lebih tinggi berbanding harga jualan runcit petrol RON95 bagi tempoh sebulan iaitu daripada 4 Januari 2018 sehingga 7 Februari 2018, kerana kos produk diesel di pasaran terbuka adalah jauh lebih tinggi daripada kos produk petrol RON95.